Angka Giliran ____________

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

# JKE 415 – Ekonomi Kewangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dalam ruang yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

1. Apakah faktor utama yang membawa kepada perbezaan antara keluk penawaran teori Klasik dengan teori Keynes?

(10 markah)

2. Keneutralan wang tidak berlaku dalam model Keynes jangka pendek tetapi boleh berlaku dalam model Keynes jangka panjang. Terangkan kenyataan tersebut.

(20 markah)

3. Bincangkan kesan jangka pendek dan jangka panjang ke atas keluk Phillips jika kerajaan cuba menggunakan polisinya untuk mengawal inflasi di bawah keadaan:

   (a) jangkaan adaptif

   (b) jangkaan rasional

(16 markah)

4. Terangkan perbezaan konsep-konsep yang berikut: (12 markah)

(a) ilusi wang dan keneutralan wang

(b) jangkaan 'naïve' dan jangkaan 'adaptif'

5. Ketidaktepatan dalam jangkaan terhadap perubahan pertumbuhan penawaran wang boleh membawa kepada kemelesetan ekonomi. Terangkan.

(13 markah)

6. Terangkan dengan bantuan rajah kesan ke atas kadar pertukaran hadapan dan kadar pertukaran spot jika wujud jangkaan yang penawaran dollar akan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dibandingkan dengan ringgit?

(14 markah)

7. Mengikut teori permintaan dan penawaran wang yang anda telah pelajari dalam kursus ini, terangkan kesan terhadap nilai ringgit Malaysia berbanding dengan dollar US semasa krisis kewangan 1997-98 dan juga keadaan sekarang (hujung 2007/awal 2008).

(15 markah)

- oooOooo -